



Tarikh: 20 Mei 2008

**ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN BIL. 1 TAHUN 2008**

Semua rayuan dan permohonan di Mahkamah Rayuan Malaysia hendaklah menepati Arahan Amalan ini.

**BAHAGIAN I**

*AM*

**Perenggan**

**Mukasurat**

- |  |     |
|--|-----|
| (1) Pengkelasan Kod Rayuan               | 1-3 |
| (2) Notis Usul dan Penomboran Notis Usul | 3-4 |
| (3) Hujahan Bertulis                     | 4   |
| (4) Kod Warna bagi Rekod Rayuan          | 4-5 |

**BAHAGIAN II**

*RAYUAN SIVIL*

- |  |     |
|--|-----|
| (1) Penyediaan Rekod Rayuan  | 5-7 |
| (2) Perlanjutan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan dalam Perkara-perkara Sivil | 8-9 |
| (3) Perkara-perkara yang tidak perlu kebenaran untuk merayu                    | 9   |
| (4) Rayuan Segera  | 10  |

**BAHAGIAN III**

*RAYUAN JENAYAH*

- |   |       |
|---|-------|
| (1) Notis Rayuan  | 10-11 |
| (2) Penyediaan Rekod Rayuan                               | 11    |
| (3) Kadar Bayaran bagi Peguam yang dilantik oleh Mahkamah | 11-12 |

**BAHAGIAN IV**

*PENGURUSAN KES*

12-13

## **BAHAGIAN V**

<b><i>LAIN-LAIN PERKARA</i></b>	13
---------------------------------	----

## **BAHAGIAN VI**

<b><i>PEMBATALAN ARAHAN AMALAN</i></b>	13-14
--	-------

## **BAHAGIAN VII**

### ***LAMPIRAN-LAMPIRAN***

(1) <i>Lampiran 'A'</i> – senarai contoh-contoh perkara Interlokutori.	16-17
(2) <i>Lampiran 'B'</i> – contoh-contoh kandungan Notis Rayuan dalam perkara Interlokutori.	18-19
(3) <i>Lampiran 'C'</i> – surat permohonan perlanjutan masa memfailkan Rekod Rayuan kepada Presiden.	20
(4) <i>Lampiran 'D'</i> – surat permohonan kepada Presiden untuk menetapkan tarikh awal pendengaran rayuan.	21
(5) <i>Lampiran 'E'</i> – Borang pengurusan kes rayuan Sivil.	22-23
(6) <i>Lampiran 'F'</i> – Borang pengurusan kes rayuan Jenayah.	24-25
(7) <i>Lampiran 'G(i)'</i> – Borang dalam talian bagi status kes rayuan Sivil yang belum selesai.	26-29
(8) <i>Lampiran 'G(ii)'</i> – Borang dalam talian bagi status kes rayuan Jenayah yang belum selesai.	30-32
(9) <i>Lampiran 'G(iii)'</i> – Borang dalam talian bagi status kes Notis Usul untuk Kebenaran Merayu yang belum selesai.	33-35

## BAHAGIAN I

*AM*

(1) **PENGGELASAN KOD RAYUAN**

Semua rayuan dan permohonan dalam Mahkamah Rayuan hendaklah diklasifikasikan mengikut abjad kod negeri-negeri dan nombor kod mengikut perkara seperti jadual-jadual di bawah.

(a) **Kod-kod mengikut negeri** adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>ABJAD</b>
PERAK	A
SELANGOR	B
PAHANG	C
KELANTAN	D
JOHOR	J
KEDAH	K
MELAKA	M
NEGERI SEMBILAN	N
PULAU PINANG	P
SARAWAK	Q
PERLIS	R
SABAH (termasuk Labuan)	S
TERENGGANU	T
WILAYAH PERRSEKUTUAN (termasuk Putrajaya)	W

(b) **Kod-kod mengikut perkara** adalah seperti berikut:-

<b>PERKARA</b>	<b>KOD</b>
(i) Rayuan Sivil oleh atau terhadap Kerajaan dari Mahkamah Tinggi dibawah Akta Prosiding Kerajaan 1956, kes-kes berkaitan Perlembagaan, Rujukan Tanah, Rayuan-rayuan Cukai Pendapatan dan yang melibatkan Badan-badan Berkanun.	01
(ii) Rayuan Sivil Umum (tidak termasuk rayuan dibawah kod 01, 03 dan 04).	02
(iii) Rayuan Sivil daripada keputusan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi.	03
(iv) Rayuan Sivil daripada Keputusan Mahkamah Rendah atau Tribunal.	04
(v) Rayuan Jenayah daripada keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak melibatkan kakitangan awam.	05
(vi) Rayuan Jenayah yang melibatkan kakitangan awam dari Mahkamah Tinggi.	06 (A)
(vii) Rayuan Jenayah yang melibatkan kakitangan Awam dari keputusan Mahkamah Sesyen dan Majistret.	06 (B)
(viii) Semakan Jenayah.	06
(ix) Permohonan Jenayah	07
(x) Permohonan Sivil	08
(xi) Rayuan Jenayah daripada keputusan Mahkamah Sesyen/Mahkamah Majistret yang tidak melibatkan kakitangan awam.	09

(c) Perayu-perayu atau Pemohon-pemohon hendaklah memasukkan abjad mengikut negeri-negeri dan nombor kod semasa memfailkan notis rayuan dan notis usul, misalnya berkenaan dengan rayuan

yang difailkan oleh atau terhadap Kerajaan di Negeri Perlis, nombor kod yang akan dipakai ialah seperti berikut :-

“**Rayuan Sivil No. R - 01 - -2007**”.

(d) **Rayuan Sivil (perkara interlokutori)**

Bagi rayuan sivil terhadap keputusan **perkara interlokutori** perayu hendaklah memasukkan abjad (**IM**) selepas kod perkara seperti misalan di bawah:-

“Rayuan Sivil No. R - 01(**IM**) - -2007”

**Nota**

(i) Bagi maksud ini, perkara interlokutori adalah keputusan yang tidak menyelesaikan kes sepenuhnya. Contoh-contoh perkara interlokutori disenaraikan di **Lampiran ‘A’**

(ii) Notis Rayuan hendaklah menyebut sama ada rayuan yang dibuat itu adalah terhadap keputusan Hakim yang menyelesaikan kes dengan sepenuhnya ataupun tidak. Format dalam Borang 1 (Kaedah 5 dan 17 Kaedah Mahkamah Rayuan 1994) hendaklah diikuti dan kandungan notis rayuan hendaklah menyebutkan peruntukan Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau peruntukan undang-undang lain dalam mana keputusan rayuan tersebut dibuat.

Sila rujuk contoh- contoh kandungan Notis Rayuan perkara interlokutori di **Lampiran ‘B’**

(e) **Rayuan Jenayah (terhadap hukuman)**

Bagi **rayuan terhadap hukuman sahaja** dalam rayuan jenayah, perayu hendaklah memasukkan abjad (**S**) selepas kod perkara seperti misalan dibawah :-

“ Rayuan Jenayah No. R – 05(**S**) - - 2007”

**Nota**

Notis Rayuan hendaklah menyebutkan dengan jelas sekiranya rayuan adalah terhadap hukuman sahaja.

(2) **NOTIS USUL DAN PENOMBORAN NOTIS USUL**

(a) Semua notis usul dan affidavit yang difailkan di Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai nombor yang berturut-turut pada setiap muka surat.

- (b) Sekiranya affidavit tambahan difailkan, affidavit tersebut hendaklah bermula dengan muka surat 1 dan seterusnya.
- (c) Pemohon hendaklah memfailkan kronologi peristiwa kes bersekali dengan notis usul. Kronologi peristiwa tersebut bermula daripada tarikh kes itu difailkan di Mahkamah asal sehingga ke tarikh notis usul difailkan.

(3) **HUJAHAN BERTULIS**

- (a) Hujahan bertulis yang akan dikemukakan hendaklah mengandungi butir-butir berikut:-
  - (i) Fakta-fakta yang dipersetujui;
  - (ii) Fakta-fakta yang tidak dipersetujui,
  - (iii) Rujukan kepada nombor perenggan alasan rayuan dalam memorandum rayuan yang dikemukakan dalam Rekod Rayuan dan garis panduan penghujahan untuk alasan rayuan tersebut.
  - (iv) Otoriti-otoriti yang hendak digunakan.
- (b) Hujahan bertulis tersebut hendaklah ringkas mengikut kerumitan kes.
- (c) Hujahan bertulis tersebut hendaklah difailkan dalam **4 salinan** di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan selewat-lewatnya **14 hari** sebelum tarikh perbicaraan rayuan berkenaan.

(4) **KOD WARNA**

- (a) Pemfailan Rekod Rayuan dan dokumen-dokumen berkaitan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai warna-warna kulit seperti berikut:-
  - (i) Rekod Rayuan (Sivil) **Merah**
  - (ii) Rekod Rayuan (Jenayah) **Merah Jambu**
  - (iii) Ikatan Otoriti Perayu/Pemohon (Sivil, Jenayah dan Notis Usul) **Biru**
  - (iv) Ikatan Otoriti Responden (Sivil, Jenayah dan Notis Usul) **Oren**
  - (v) Ikatan Otoriti Pencelah **Putih**

- (b) Semasa perbicaraan di hadapan Mahkamah Rayuan pihak-pihak yang berkenaan hendaklah merujuk dokumen-dokumen tersebut di atas seperti berikut :-
- (i) Rekod Perayu **R/P**
  - (ii) Ikatan Otoriti Perayu/Pemohon **IA/(P)**
  - (iii) Ikatan Otoriti Responden **IA ( R )**
  - (iv) Ikatan Otoriti Pencelah **IA ( C )**
- (c) Jika sekiranya terdapat lebih dari satu Ikatan dokumen, ianya hendaklah ditanda dengan turutan 1, 2, 3 dan seterusnya. Contohnya, 1A(P) (1), 1A(P) (2) dan sebagainya.

## **BAHAGIAN II**

### *RAYUAN SIVIL*

Bagi tujuan memudahkan rujukan, pihak-pihak yang terlibat dalam penjilidan Rekod Rayuan untuk kes-kes rayuan ke Mahkamah Rayuan hendaklah mengasingkan rekod-rekod tersebut mengikut mahkamah.

Arahan Amalan Bil. 1 tahun 2006 berkenaan pengasingan rekod-rekod rayuan akan terus terpakai setakat mana yang sesuai.

#### (1) **PENYEDIAAN REKOD RAYUAN**

Rekod Rayuan hendaklah disediakan oleh Perayu seperti berikut:-

- (a) Rekod Rayuan hendaklah mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D (sekiranya prosiding bermula di Mahkamah Rendah) serta hendaklah disusun mengikut turutan berikut:-

Bahagian A **hendaklah** mengandungi:-

- (i) Index;
- (ii) Kronologi peristiwa;  
Perayu hendaklah memfailkan kronologi peristiwa kes, bermula daripada tarikh kes itu difailkan di Mahkamah asal sehingga ke tarikh rekod rayuan difailkan.
- (iii) Memorandum Rayuan;

- (iv) Penghakiman, dekri atau perintah Mahkamah Tinggi yang dirayu;
- (v) Notis Rayuan;
- (vi) Alasan Penghakiman atau Alasan Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (vii) Pliding dan/atau saman atau usul (prosiding yang dimulakan selain daripada writ) di Mahkamah Tinggi.

Bahagian B **hendaklah** mengandungi:-

- (i) Index kepada Bahagian dengan sub-index muka surat (*pagination*) berkenaan saksi yang dirujuk dalam nota-nota keterangan dan deponen-deponen affidavit yang difailkan dan dibaca di Mahkamah Tinggi yang dirayu;
- (ii) Nota-nota keterangan Mahkamah Tinggi; dan
- (iii) Salinan-salinan affidavit yang difailkan dan dibaca di Mahkamah yang dirayukan (**tanpa eksibit-eksibit**); affidavit hendaklah disusun mengikut turutan tarikh yang difailkan.

Bahagian C **hendaklah** mengandungi :-

- (i) Index Bahagian itu;
- (ii) Salinan eksibit dokumen yang dimasukkan sebagai keterangan atau dilampirkan dengan affidavit-afidavit yang difailkan dan dibaca di Mahkamah yang dirayukan setakat mana relevan.  
Hanya satu salinan eksibit dokumen hendaklah dimasukkan dan hendaklah mencatatkan tanda-tanda eksibit pihak-pihak berkenaan.  
Semua eksibit dokumen hendaklah dinomborkan dan diindex berasingan serta disusun dalam turutan kronologi; dan
- (iii) Salinan penghujahan bertulis pihak-pihak (tidak termasuk ikatan otoriti).

Bahagian D **hendaklah** mengandungi:-

- (i) Index Bahagian itu;



- (ii) Alasan Penghakiman atau Alasan Keputusan atau Perintah Mahkamah Rendah;
  - (iii) Penghakiman atau Perintah Mahkamah Rendah;
  - (iv) Pliding dan/atau Saman atau Usul yang dimulakan di Mahkamah Rendah; dan
  - (v) Nota Keterangan Mahkamah Rendah.
- (b) Rekod Rayuan dalam keempat-empat Bahagian di atas hendaklah dibahagi kepada tiga (3) jilid, seperti berikut:
- **Jilid 1**  
Bahagian A
  - **Jilid 2**  
Bahagian B dan C
  - **Jilid 3**  
Bahagian D

**Setiap jilid itu tidak boleh melebihi 200 helai.**

- (c) Bagi rayuan-rayuan tertentu Bahagian B dan Bahagian C boleh dibahagi kepada lebih dari satu jilid. Walaubagaimanapun setiap jilid tersebut hendaklah mempunyai index yang jelas dan terperinci.
- (i) Sekiranya Rekod Rayuan dibahagikan kepada 2 atau lebih jilid, jilid-jilid tersebut hendaklah dinomborkan berturutan daripada muka surat pertama di Jilid I dan diakhiri dengan muka surat jilid terakhir;
  - (ii) Setiap jilid hendaklah dikenali sebagai Jilid 1, Jilid 2 dan seterusnya. Tajuk rayuan di Mahkamah Rayuan dan tindakan atau rayuan di Mahkamah Tinggi hendaklah tertera di bahagian tengah dan dibawahnya dicatatkan peguam-peguam yang mewakili Perayu dan Responden;
- (d) Sekiranya jumlah Rekod Rayuan kurang daripada 50 muka surat, ianya bolehlah disatukan kepada satu jilid sahaja yang mengandungi ketiga-tiga atau keempat-empat Bahagian;
- (e) Setiap salinan dokumen yang dimasukkan dalam Rekod Rayuan hendaklah jelas, boleh dibaca dan dijilid menggunakan “*comb binding*”.

(2) **PERLANJUTAN MASA UNTUK MEMFAILKAN REKOD RAYUAN  
DALAM PERKARA-PERKARA SIVIL.**

Kaedah 18(7) Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994 memperuntukkan bahawa seseorang Perayu dikehendaki memfailkan Rekod Rayuan **dalam tempoh lapan (8) minggu** selepas rayuan itu difailkan **atau** dalam sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan.

Untuk menyelaraskan prosedur memfailkan Rekod Rayuan dan untuk menyegerakan lagi prosiding di Mahkamah Rayuan, maka amalan berikut hendaklah diikuti bagi permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan atas alasan nota keterangan tidak diperolehi dari Y.A Hakim.

- (a) Dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis rayuan difailkan, sekiranya perayu belum memperolehi Nota Keterangan Hakim Mahkamah Tinggi maka perayu **hendaklah dengan serta-merta memohon kepada Presiden Mahkamah Rayuan** untuk perlanjutan masa memfailkan rekod rayuan. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan kepala surat (*letterhead*) firma (bersama dengan nombor faks dan/atau alamat e-mel firma) seperti di ***Lampiran 'C'*** dalam 2 salinan. Satu salinan permohonan ini hendaklah dimajukan kepada peguam responden.
- (b) Setiap permohonan di bawah perenggan (a) hendaklah, disokong dengan butir-butir dan dokumen berikut:-
  - (i) Tarikh keputusan Mahkamah Tinggi;
  - (ii) Sesalinan Notis Rayuan yang telah difailkan; dan
  - (iii) Sesalinan surat permohonan nota-nota keterangan kepada Setiausaha Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi.
- (c) Semua surat menyurat bagi tujuan perenggan (b)(iii) di atas sama ada dari peguam perayu kepada Setiausaha Hakim Mahkamah Tinggi yang berkenaan atau sebaliknya, hendaklah dimajukan sesalinannya kepada peguam responden dan Pendaftar Mahkamah Rayuan.
- (d) Permohonan perlanjutan masa boleh dibuat kepada Presiden Mahkamah Rayuan dalam tempoh tidak lewat dari **lapan (8) minggu** daripada tarikh memfailkan Notis Rayuan dengan syarat permohonan untuk mendapatkan Nota Keterangan Hakim Mahkamah Tinggi dibuat dalam tempoh satu (1) bulan seperti yang disebut dalam perenggan (a).

- (e) Kegagalan untuk memohon lanjutan masa daripada Presiden Mahkamah Rayuan tidak menjadi penghalang kepada pemohon untuk memfailkan notis usul memohon lanjutan masa bagi memfailkan Rekod Rayuan.
- (f) Rekod Rayuan hendaklah difailkan oleh perayu walaupun Alasan Penghakiman atau Alasan Keputusan tidak diterima. Alasan Penghakiman atau Alasan Keputusan yang diterima kemudiannya hendaklah difailkan sebagai Rekod Rayuan Tambahan tanpa sebarang permohonan.

(3) **PERKARA-PERKARA YANG TIDAK PERLU KEBENARAN MERAYU**

Kebenaran merayu tidak perlu bagi perkara-perkara berikut:-

- (a) **Certiorari** - berkaitan dengan mana-mana rayuan yang melibatkan keputusan Mahkamah Perusahaan, keputusan Lembaga Tatatertib atau mana-mana badan yang menjalankan fungsi 'quasi-judicial' yang melibatkan prinsip keadilan semulajadi (*natural justice*).
- (b) **Deklarasi** - untuk mengisytiharkan bahawa sesuatu pemberian lesen, perbuatan, peninggalan atau keputusan sesuatu badan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang adalah tidak sah dan terbatal.
- (c) **Injunksi.**
- (d) **Petisyen penggulangan syarikat** - kecuali permohonan yang dibuat di bawah seksyen 218(1)(e) dan seksyen 218(1)(g)(i) Akta Syarikat 1965 yang melibatkan jumlah hutang kurang dari RM250,000.
- (e) **Prosiding kebankrapan**
- (g) Perkara-perkara berkaitan dengan **prosiding hal ehwal suami isteri** di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- (h) Penghakiman untuk **gantirugi jumlah tak tertentu** (*unliquidated damages/unliquidated amount*).

(4) **RAYUAN SEGERA**

**Kaedah 22** Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang memfailkan notis rayuan boleh dalam hal yang mustahak disegerakan memohon **secara bertulis kepada Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan** untuk dipertimbangkan supaya rayuan disegerakan. Pihak-pihak **hendaklah** nyatakan:-

- (a) fakta rayuan dengan jelas;
- (b) sebab-sebab rayuan hendak didengar segera; dan
- (c) menyatakan dengan jelas sama ada pihak satu lagi mempunyai apa-apa bantahan dan jika ada bantahan nyatakan bantahan tersebut dengan terperinci.

Permohonan tersebut haruslah dibuat dengan menggunakan kepala surat (*letterhead*) firma (bersama dengan nombor faks dan/atau alamat e-mel firma) seperti di **Lampiran 'D'** dalam 2 salinan.

**BAHAGIAN III**

*RAYUAN JENAYAH*

(1) **NOTIS RAYUAN**

- (a) Sebaik sahaja Orang Kena Tuduh didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati selepas perbicaraan di Mahkamah Tinggi, maka Pendaftar Mahkamah Tinggi berkenaan hendaklah menyediakan Notis Rayuan untuk ditandatangani oleh pesalah (Borang 5 Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994).
- (b) Satu salinan Notis Rayuan tersebut hendaklah disertakan dengan Waran Pemenjaraan (*Warrant of Commitment*) untuk maklumat Jabatan Penjara.
- (c) Sesalinan Notis Rayuan tersebut hendaklah difakskan pada hari itu juga kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan di Putrajaya dan diikuti dengan kiriman Notis Rayuan itu melalui pos.
- (d) Sebaik sahaja Notis Rayuan diterima, Pendaftar Mahkamah Rayuan hendaklah mendaftarkan rayuan tersebut dan memaklumkan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi berkenaan,

nombor pendaftaran Rayuan Jenayah Mahkamah Rayuan untuk maksud Seksyen 52, 53 dan 55 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

(2) **PENYEDIAAN REKOD RAYUAN**

- (a) Selaras dengan peruntukan **kaedah 61** Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994, Pendaftar Mahkamah Tinggi berkenaan hendaklah dengan **seberapa segera** yang boleh selepas Notis Rayuan difailkan menghantar kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan butir-butir prosiding dalam Mahkamah Tinggi dalam bentuk yang diperuntukkan di dalam **Borang 7** dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 berserta dengan **tujuh (7)** salinan dokumen-dokumen yang berikut:-
- (i) nota prosiding Hakim Mahkamah Tinggi;
  - (ii) nota prosiding Mahkamah Rendah (jika berkenaan);
  - (iii) semua eksibit dokumentari yang dikemukakan; dan
  - (iv) perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah kaedah 61 Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994.
- (b) Pendaftar Mahkamah Tinggi berkenaan hendaklah menyediakan satu jilid Rekod Prosiding di Mahkamah Tinggi dan satu jilid lagi Rekod Prosiding di Mahkamah Rendah (jika berkenaan). Setiap jilid hendaklah mengandungi Alasan Penghakiman.
- (c) Setiap salinan dokumen yang dimasukkan dalam Rekod Rayuan hendaklah jelas, boleh dibaca dan dijilid menggunakan “*comb binding*”.
- (d) Setiap jilid tidak boleh melebihi 200 helai dan sekiranya Rekod Rayuan melebihi satu jilid, jilid-jilid tersebut hendaklah dinomborkan berturutan daripada muka-surat pertama di jilid 1 dan diakhiri dengan muka-surat jilid terakhir.
- (e) Sekiranya Rekod Rayuan melebihi satu jilid, setiap jilid hendaklah dikenali sebagai Jilid 1, Jilid 2 dan seterusnya.

(3) **KADAR BAYARAN BAGI PEGUAM YANG DILANTIK OLEH MAHKAMAH RAYUAN**

Termasuk bayaran untuk “*getting up*” RM 1,500.00  
menemuramah tahanan dan hadir  
perbicaraan hari pertama.

Perbicaraan pada hari-hari  
berikutnya. RM50/- sejam  
atau sebahagian daripadanya

**Perjalanan dan kenderaan -**

(a) menggunakan kereta sendiri RM0.70 se km, tertakluk kepada  
syarat-syarat seperti Kelas A bagi  
Pegawai Perkhidmatan Awam

(b) bayaran bagi kehilangan masa RM 25.00 sejam atau  
dalam perjalanan bagi setiap jam  
atau sebahagiannya di antara jam  
8.30 pagi dan 5.00 petang bagi  
mana-mana hari termasuk juga  
Hari Kelepasan Am.

(c) bayaran tambang teksi Kos sebenar

(d) tambang kapal terbang Kelas Ekonomi

(e) sewa hotel Kadar Bilik Biasa  
yang berpatutan

Perbelanjaan Kos sebenar.

Bagaimanapun bayaran-bayaran tersebut hanya boleh dituntut sekiranya  
peguam telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana ia menjalankan  
perniagaannya.

Bagi tuntutan bayaran kos sebenar ia hendaklah disokong dengan resit.

Arahan Amalan No. 2 tahun 1995 dan Arahan Amalan No. 1 tahun  
2008 akan terus terpakai setakat mana yang sesuai.

**BAHAGIAN IV**

*PENGURUSAN KES*

- (1) Setiap rayuan akan ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Pendaftar  
Mahkamah Rayuan.
- (2) Peguam yang mengendalikan rayuan tersebut hendaklah hadir sendiri pada  
tarikh pengurusan kes. Sekiranya peguam tidak dapat hadir, firma peguam  
hendaklah memastikan peguam lain yang hadir mempunyai tarikh-tarikh

lapang peguam tersebut dan boleh memberi apa-apa maklumat yang diminta dengan tepat.

- (3) Pihak-pihak hendaklah melengkapkan borang pengurusan kes bagi rayuan sivil seperti di LAMPIRAN 'E' dan borang pengurusan kes bagi rayuan jenayah di LAMPIRAN 'F' dan menyerahkan borang tersebut melalui emel ke alamat [coa@mahkamah.gov.my](mailto:coa@mahkamah.gov.my) sebelum atau pada tarikh pengurusan kes.
- (4) Peguam-peguam yang mengendalikan kes rayuan Sivil, Jenayah dan Notis Usul Untuk Kebenaran Merayu di Mahkamah Rayuan yang masih belum selesai, hendaklah mengisi salah satu borang dalam talian seperti di bawah:
  - (a) LAMPIRAN 'G(i)' untuk rayuan Sivil;
  - (b) LAMPIRAN 'G(ii)' untuk rayuan Jenayah; ATAU
  - (c) LAMPIRAN 'G(iii)' untuk Notis Usul Untuk Kebenaran Merayu, (yang mana berkenaan) di alamat URL:- <http://coapending.kehakiman.gov.my>
- (5) Pihak-pihak yang mempunyai kes Rayuan/Notis Usul yang telah didaftarkan di Mahkamah Rayuan hendaklah melengkapkan borang LAMPIRAN 'G(i)', LAMPIRAN 'G(ii)' ATAU LAMPIRAN 'G(iii)' di atas (yang mana berkenaan) dua (2) bulan selepas Notis Rayuan / Notis Usul tersebut difailkan.

## **BAHAGIAN V**

### *LAIN-LAIN PERKARA*

Sekiranya terdapat percanggahan antara Arahan Amalan ini dan mana-mana undang-undang bertulis, undang-undang bertulis tersebut hendaklah terpakai.

## **BAHAGIAN VI**


### *PEMBATALAN ARAHAN AMALAN*

Arahan-Arahan Amalan yang berikut adalah dengan ini **dibatalkan** setakat mana ianya terpakai di Mahkamah Rayuan Malaysia:-

- (1) Arahan Amalan Bil. 2/1985
- (2) Nota Amalan Bil. 1/1991
- (3) Nota Amalan Bil. 3/1991
- (4) Arahan Amalan Bil. 1/Tahun 1992

- (5) Arahan Amalan Bil. 3/1992
- (6) Arahan Amalan Bil. 1/1993
- (7) Arahan Amalan Bil. 1/1994
- (8) Arahan Amalan Bil 1/1996
- (9) Arahan Amalan Bil. 2/1996
- (10) Arahan Amalan Bil. 1/1998

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2008** melainkan **BAHAGIAN IV (PENGURUSAN KES)**, Perenggan (4) yang akan berkuatkuasa serta merta.



Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Putrajaya

Kepada:

Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia.

Y.Bhg. Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching

Y.Bhg. Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Pegawai Khas/Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha, Majlis Peguam, Malaysia.



Semua Setiausaha, Jawatankuasa-Jawatankuasa Peguam Malaysia.

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching.

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu.

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan.

Pustakawan  
Jabatan Peguam Negara.

Lexisnexis Malaysia

Current Law Journal.

Sweet & Maxwell

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salinan kepada:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara

Y.A.A. Hakim Besar Malaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak.

**SENARAI CONTOH-CONTOH PERKARA INTERLOKUTORI**

(BAHAGIAN I, Perenggan (1) (d)(i))

1. Penarikan diri peguamcara
2. Penzahiran dan pemeriksaan-balas
3. Penghakiman terus (A.14, 14A KMT 1980)
4. Permohonan untuk membatalkan pliding di bawah (A18 k19 KMT 1980)
5. Penggantungan prosiding
6. Perlanjutan masa memfailkan pliding dan affidavit
7. Saman Minta Arahan (A.25 KMT 1980)
8. Pencukaian kos (A.59 KMT 1980)
9. Perlantikan "*Guardian Ad Litem*"
10. Pengecualian penjamin
11. Jaminan kos
12. Taksiran gantirugi
13. Kehadiran Bersyarat
14. Pengemukaan Penyata Akaun
15. Perlanjutan tempoh keesahan writ saman
16. Keterangan melalui affidavit (A.38. k2 KMT 1980)
17. Menghidupkan semula writ saman
18. Mengenenpikan Penghakiman Ingkar
19. Penyampaian di luar bidangkuasa
20. Injunksi Interim/ Injunksi
21. Penggantungan perintah
22. Permohonan untuk butiran lanjut
23. Pindaan kepada pliding
24. Permohonan untuk mencelah
25. Percantuman Isu-Isu
26. Penarikan balik dan pemberhentian tindakan (A.21 k.2 KMT 1980)
27. Perintah Pengkomitan (A.52 k.2 KMT 1980)
28. Meminda perintah dan penghakiman
29. Meminda pihak-pihak/ nama pihak-pihak
30. Menambah / menyatukan pihak-pihak
31. Kebenaran menggunakan affidavit
32. Mengenenpikan kehadiran dan pembelaan
33. Salah cantum dan ketakcantuman pihak-pihak
34. Prosiding dalam ketidakhadiran pihak-pihak (A.32 k5 KMT 1980)
35. Menghidupkan Saman Dalam Kamar
36. Mengganti pihak –pihak kerana kematian
37. Permohonan mengenenpikan kerana ketakpatuhan/luar aturan
38. Cara memulakan prosiding
39. Permohonan untuk lain-lain relief (A92 k4 KMT 1980)
40. Perintah untuk mengemukakan dokumen
41. Penghakiman Ingkar
42. Penghakiman terhadap pengakuan fakta (A.27 k3 KMT 1980)
43. Penghakiman Ingkar Pembelaan atas sebahagian tuntutan
44. Keterangan pakar (A.40KMT 1980)

45. Keterangan afidavit (A.41 KMT 1980)
46. Kebenaran untuk memasukkan penghakiman ingkar berkaitan tindakan gadaian
47. Menghidupkan Notis Rayuan
48. Saman Interplider
49. Perintah Jualan Ex-parte
50. Melanjutkan kaveat
51. Menarikbalik kaveat
52. Pembayaran ke dalam dan daripada Mahkamah (A.22 KMT 1980)
53. Pentadbiran Harta (A.44 KMT 1980)
54. Penyampaian dokumen
55. Meratifikasikan geran
56. Pendaftaran kaveat

**NOTIS RAYUAN DALAM PERKARA INTERLOKUTORI**  
(BAHAGIAN I, Perenggan (1) (d)(ii))

Contoh: 1

**NOTIS RAYUAN**

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa Perayu di sini,..... yang tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Arif Hakim.....,yang telah diberi di Mahkamah Tinggi.....di..... pada..... merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sebahagian keputusan tersebut yang membenarkan rayuan Responden terhadap keputusan Mahkamah Sesyen di ..... **yang telah menolak permohonan Responden yang dibuat di bawah Aturan 14 kaedah 21 (a) kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan di bawah Seksyen 6 (2) Akta Had Masa, dengan kos.**

Bertarikh pada ... hb ..... 200..

.....  
Peguamcara bagi Perayu

Contoh: 2

**NOTIS RAYUAN**

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa Perayu di sini,..... yang tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Arif Hakim.....,yang telah diberi di Mahkamah Tinggi.....di..... pada..... merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut **yang menolak permohonan Perayu/Defendan yang memohon kebenaran untuk menfailkan prosiding penghinaan Mahkamah terhadap Responden/Plaintif (Lampiran ...) yang gagal mematuhi perintah-perintah Mahkamah bertarikh ..... dengan kos di dalam kausa**

Bertarikh pada ... hb ..... 200..

.....  
Peguamcara bagi Perayu

Contoh: 3

**NOTIS RAYUAN**

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa Perayu di sini,..... yang tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Arif Hakim.....,yang telah diberi di Mahkamah Tinggi.....di .....pada..... merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut yang memutuskan bahawa **permohonan Responden untuk merakamkan penghakiman muktamad selaras Aturan 14, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980** dibenarkan setakat jumlah RM....., faedah dan kos

Bertarikh pada ... hb ..... 200..

.....  
Peguamcara bagi Perayu

Contoh: 4

**NOTIS RAYUAN**

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa Perayu di sini,..... yang tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Arif Hakim....., yang telah diberi di Mahkamah Tinggi ..... di..... pada..... merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut yang memutuskan **permohonan interlokutori Lampiran ... untuk menggantung prosiding sehingga rayuan diputuskan ditolak dengan kos.**

Bertarikh pada ... hb ..... 200..

.....  
Peguamcara bagi Perayu

**PERMOHONAN PERLANJUTAN MASA MEMFAILKAN REKOD RAYUAN**  
(BAHAGIAN II, Perenggan (2))

**KEPALA SURAT (FIRMA)**

Tarikh:

---

Kami nama pihak/firma peguam bagi pihak perayu ingin memohon untuk perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan bagi sebab-sebab yang tersebut di bawah:-

No. Kes Rayuan :  
No. Kes Mahkamah Tinggi :  
Perayu :  
  
Responden :  
  
Tarikh Keputusan :  
Mahkamah Tinggi :  
Tarikh Notis Rayuan :  
difailkan **(Sila lampirkan sesalinan Notis Rayuan yang telah difailkan)**  
  
Tarikh akhir untuk :  
memfailkan Rekod Rayuan :  
Tarikh permohonan untuk :  
mendapatkan Nota :  
Keterangan **(Sila lampirkan sesalinan surat permohonan kepada setiausaha Y.A Hakim Mahkamah Tinggi tersebut)**  
  
Sebab-sebab untuk :  
perlanjutan

Sekian Terima Kasih.

Yang benar,

---

(nama perayu/firma peguam perayu)

Tarikh:

**Diluluskan/Tidak diluluskan –sila mohon melalui Notis Usul**

---

Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Putrajaya

**PERMOHONAN UNTUK PENETAPAN TARIKH AWAL PENDENGARAN  
RAYUAN**

(BAHAGIAN II, Perenggan (4))

**KEPALA SURAT (FIRMA)**

